

11/10/1998

Bacaan puisi makin bermaruah

Imlan Adabi

ACARA baca puisi sudah menjadi tradisi menarik di negara kita. Sejak Asas 50 lagi, puisi mendapat khalayak yang tersendiri, meskipun kita akui kehadiran khalayak tidak semestinya kerana puisi itu semata-mata.

Ada yang datang ke acara seperti itu kerana suka-suka, jumpa kawan dan tidak kurang juga kerana mahu jadi penulis ternama suatu hari nanti.

Saya tidak sempat menyaksikan acara baca puisi pada dekad 50-an dan 60-an, kerana zaman itu terlalu awal buat usia saya.

Ketika Usman Awang, Masuri SN dan Noor SI baca puisi bersama teman Asas 50, saya belum lahir. Ketika Latiff Mohidin, A Ghafar Ibrahim, Firdaus Abdullah, Kemala dan Suhaimi Muhammad baca puisi pada dekad 60-an, saya baru lahir dan terlalu kecil.

Namun, perkembangan baca puisi kedua-dua dekad itu banyak dapat ditelaah melalui akhbar, majalah, buku dan himpunan kertas kerja daripada sarjana, pengkaji, pemerhati, seniman dan wartawan. Gambaran sebenar tentunya tidak sama dengan apa yang dibaca.

Pada dekad 70-an, Grup Teater Elit (GTE) dan Anak Alam begitu popular dengan acara baca puisi. Anak Alam terkenal kerana majlisnya yang agak santai, namun kaya dengan perenungan peribadi, suara alam yang berbaur dengan kritikan terhadap ketidakadilan, kembara ke dalam diri juga tidak terkecuali cinta kepada yang Maha Esa.

GTE pula terkenal dengan caranya sendiri yang mengikut Dinsman, "main-main".

Nama Latiff Mohidin, Mustafa Ibrahim, Siti Zainon Ismail dan Khalid Salleh agak gagah ketika itu.

Lebih menarik lagi apabila GTE yang dipelopori Dinsman dan Sutung Umar Rs, berjaya membawa puisi ke hotel yang tentunya ketika itu dianggap sesuatu yang luar biasa.

Dua minggu sekali di lounge sebuah hotel terkenal di Kuala Lumpur pada waktu itu, tentulah perkara yang boleh dikira luar biasa.

Banyak penelaah seni menganggap usaha GTE sebagai mengangkat martabat puisi dan penyair sendiri, kerana pada masa itu puisi dan penyair didakwa oleh sesetengah orang hanya layak dibaca di balai raya, dewan sekolah desa atau di bawah pokok di tepi pantai sahaja!

Peminat seni tanah air juga tidak boleh melupakan sumbangan Malaysian Art Theater Group (MATG) yang berjaya menganjurkan Malam Cempaka Berbunga di Kuala Lumpur pada awal 1970-an. Majlis yang agak terancang ini bukan sahaja dihadiri penyair, pelukis dan pelakon, malahan beberapa tokoh politik penting waktu itu seperti Tan Sri Ghazali Shafie.

Pada dekad 80-an, acara baca puisi terus berkembang dan menjadi tradisi menarik di seluruh negara. Persatuan Penulis Kelantan (PPK) di bawah naungan Tan Sri Hussein Ahmad, menggerakkan majlis di beberapa tempat menarik di negeri itu.

Beberapa persatuan lain turut aktif di Kelantan seperti Pesisir dan Gema yang berjaya menampilkan beberapa penyair, sekali gus deklamator berbakat seperti Awang Abdullah, Mustapha Jusuh dan Aziz Mohamad Noor.

Ladin Nuawi - penulis muda yang dianggap bara baru oleh Datuk A Samad Said, turut berkembang dengan pesat apabila melahirkan kumpulan puisi Sajak-Sajak Luka dan Peta Puisi Malaysia. Usaha Ladin menjelajah dan meriuhkan majlis puisi menerima reaksi yang tersendiri.

Di Terengganu, Marzuki Ali dan Wan Ahmad Ismail turut menggerakkan Kumpulan Teater Asyik dan Tetamu. Meskipun kedua-dua kumpulan ini lebih

terarah kepada aktiviti teater, namun acara baca puisi tidak dikesampingkan.

Mereka berjaya melahirkan Maarof Seman RS dan Abdul Mubin Ismail yang mempunyai cara tersendiri ketika membaca sajak.

Terengganu juga beruntung apabila Pelita dibarisi pimpinan dinamik termasuk ahli politik yang berjaya menjadikan majlis baca puisi sebagai sesuatu yang berhasil.

Di Pahang, Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP) tidak terkecuali memeriahkan majlis baca puisi. Begitu juga di Perlis dan Kedah yang kaya dengan seniman berbakat besar seperti Puzi Hadi yang boleh menguasai majlis.

Rejab FI, meskipun bersahaja namun kaya dengan pengalaman dan suara Awang Batil, serta Nahmar Jamil yang kerap membaca puisi bernafaskan Islam.

Dekad 80-an adalah zaman yang meriah dengan majlis pembacaan puisi hinggakan ada kumpulan anak muda yang sanggup berisiko membaca puisi di bawah tiang lampu, di kaki lima Pasar Budaya dan Jalan Tuanku Abdul Rahman. Bagi mereka puisi adalah apa-apa saja.

Dan kerana apa-apa itulah maka Pyanhabib melahirkan Sarafdukaku, serta Sani Sudin, Siso dan Usop, bergabung menamakan kumpulan mereka Koprata (dalam bahasa Sanskrit) yang bermaksud salam sejahtera.

Koprata adalah nama puisi Abdulaziz HM yang pernah mendapat didikan daripada Bengkel Teater Rendra di Indonesia. Koprata juga adalah nama antologi puisi Abdulaziz HM.

Selain di bawah tiang lampu, puisi juga mengundang khalayak tersendiri di kebun bunga dan pusat riadah. Zaini Za, Aziz Talib, Jabar Isnin, Isnin Tawaf dan Nasaruddin Dasuki, menggelarkan diri mereka sebagai pengelola sastera akhbar tabloid, turut mengadakan majlis baca puisi secara santai di Taman Tasik Perdana dan Taman Tasik Titiwangsa.

Nawawee Mohamad bersama temannya Ahmad Fadzillah Mohamad, Swanlerd Propoul, Ujid Darmawan dan Gunawan Mahmud, menggerakkan Perkumpulan Penyajak Mutakhir yang akhirnya turut bergabung tenaga dengan pengelola sastera akhbar tabloid, menjayakan majlis baca puisi dan bedah karya di taman bunga.

Pertemuan santai ini akhirnya memberi ilham kepada penganjuran Perhimpunan Penyair Muda Malaysia pada 1987 di Padang Merbok, Jalan Parlimen yang menjadi wadah penulis generasi baru menyatakan sikap dan suara keseniman mereka.

Sebelum itu, satu peristiwa penting yang tidak patut dilupakan kerana tercatat dalam sejarah aktiviti perpuisian di Malaysia, ialah apabila GTE berjaya mengadakan siri Malam Puisi Tanah Air.

Malam Puisi Tanah Air di bawah naungan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sempat mengadakan beberapa persembahannya. Antaranya Malam Puisi Tanah Air di Sabah, Pahang, Kedah, Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur. Majlis ini tentulah memberi beberapa kesannya yang tersendiri.

Menjelang dekad 90-an, majlis baca puisi banyak ditempiasi oleh polemik baru yang mungkin menarik untuk dikaji. Ada pihak merasakan majlis baca puisi harus mempunyai ganjaran tertentu, kerana setiap penyair mempunyai tugas yang besar dalam melahirkan karya. Mustahil tugas besar tanpa bayaran!

Justeru, saya teringat insiden membabitkan seorang penulis generasi baru yang melontarkan hadiah cenderamata di sebuah pusat pengajian tinggi, kerana merasakan tindakan penganjur sebagai tidak adil, apabila sang penyair hanya mendapat ganjaran tongkol kayu yang tertulis beberapa perkataan yang merakamkan rasa terima kasih kepada penyair itu!

Sebenarnya yang menimbulkan persoalan bayaran kepada penyair yang membaca sajak ini ialah Dinsman dan Sutung Umar Rs daripada GTE.

Sebelumnya tidak ada bayaran untuk pembaca puisi dalam apa majlis sekalipun.

Dalam hal ini penyair Malaysia patut berterima kasih kepada dua tokoh itu, kerana merekalah yang mula menuntut bayaran untuk majlis baca puisi di Sudut Penulis.

Pada masa itu Ketua Bahagian Sastera di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) diterajui Usman Awang.

Dinsman dan Sutung Umar Rs pada masa itu menerima bayaran RM30 untuk pembacaan sebuah puisi atau untuk satu majlis pembacaan puisi. Saya kurang pasti hal itu. Tetapi saya amat pasti itulah kali pertama pembacaan puisi menerima bayaran.

Alasan yang diberikan agak mudah dan hujahnya agak simple. Mengikut Sutung Umar Rs, kalau kita sanggup memanggil penyanyi dengan bayaran yang begitu lumayan untuk mendapat hiburan daripadanya, mengapa penyair yang diundang untuk memberi hiburan kepada khalayak, tidak dibayar?

Mengikut Sutung Umar Rs: "Ini suatu perlakuan masyarakat yang tidak adil. Ini harus diperbetulkan dengan memberi kesedaran kepada institusi dan mereka yang terbabit."

Begitulah bermulanya bayaran untuk pembacaan puisi. Orang yang kemudian menerima habuan yang agak lumayan juga. Misalnya ada penyair yang dibayar sehingga RM500 sebagai saguhati untuk pembacaan beberapa puisi.

Timbul selepas pembacaan puisi mendapat bayaran itu, sekumpulan orang yang dipanggil sebagai pendeklamasi puisi. Pada mulanya, pada zaman 50-an misalnya penyair agak segan dan silu untuk membaca puisi.

Apatah lagi untuk membaca puisi orang lain. Begitu juga yang membaca puisi itu adalah penyair. Orang yang bukan penyair tidak naik ke pentas pembacaan puisi.

Hal itu bagaimanapun kini sudah hampir menghilang. Yang muncul pada masa kini sudah kembali seperti 1950-an, 70-an dan 80-an, iaitu penyair itu sendiri.

Pendeknya satu perkara yang kini diketahui umum ialah bacaan puisi menjadi satu acara yang berprestij. Ada banyak acara penting sama ada peringkat daerah atau nasional dimulakan dengan puisi.

Kalau ramai anak muda yang ingin menyanyi, kini bukan sedikit pula anak muda kita yang ingin tampil ke pentas dan membaca puisi.

Berikutan perkembangan itu, Rahman Shaari menimbulkan perlunya persediaan yang rapi sebelum seseorang itu tampil membaca puisi. Tanpa persediaan, tentunya majlis baca puisi dipenuhi jerkahan garang yang kosong isinya, hingga menoda kemurnian estetika puisi itu sendiri.

Pun begitu, usaha Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Pena) menganjurkan acara baca puisi santai setiap Jumaat awal bulan, menjadi wadah baru seniman kita bertemu dan berkumpul, berpuisi dan berlagu - menyatakan suara dan hati nuraninya sendiri.

Memetik kata-kata Usman Awang, bunga biarlah berkembang subur, yang baik akan kekal menjadi putik dan putik akan membesar menjadi buah. Benih yang baik tentunya akan melahirkan buah yang manis dan ranum yang boleh dimanfaatkan ramai orang.

Kalaupun tidak sempat berbuah, waktu berbunganya tentulah menyemarakkan harum sekampung.

Usaha Pena tentunya meranumkan kembali majlis baca puisi yang agak dingin pada awal dekad 90-an, kerana sebabnya yang tersendiri. Cuma yang perlu ditimbulkan kini barangkali, apakah seniman kini tidak lagi berminat untuk menyuarakan perasaan dan pemikiran mereka terhadap masalah semasa? Sedangkan hal ini terbukti oleh sejarah, bahawa selama ini ia menjadi suara dan bicara hati nurani masyarakat penyair?

Ataukah seperti yang disebutkan Usman Awang, bahawa penyair dan seniman masa kini sudah hilang kejantannya?

Orang lain tidak boleh menjawab persoalan ini. Yang boleh menjawabnya ialah penyair sendiri. Dan seperti kata Marsli NO, jawapan itu bukanlah dengan pengakuan melalui suara yang lantang di pembesar suara.

Jawapannya mestilah dalam bentuk karya yang berbobot dan yang mutunya dapat dipertahankan.

(END)